

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)
(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember, 2003 bersama dengan laporan Pengarah dan Juruaudit

Berdomisil di Malaysia
Pejabat Berdaftar
Tingkat 6, Bangunan Public Bank
6, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

Kandungan

Muka surat

Laporan Pengarah	1 - 8
Penyata Pengarah	9
Akuan berkanun	10
Laporan juruaudit	11
Lembaranimbangan	12
Penyata perubahan dalam ekuiti	13
Penyata pendapatan	14
Akaun hasil insurans am	15 - 16
Penyata aliran tunai	17 - 18
Nota-nota kepada penyata kewangan	19 - 44

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2003

Para Pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2003.

AKTIVITI UTAMA

Pada asasnya, Syarikat terlibat dalam mengunderait semua jenis kelas perniagaan insurans am.

Tidak terdapat sebarang perubahan ketara dalam jenis aktiviti utama ini di sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN

	RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun	28,911 =====

DIVIDEN

Jumlah dividen dibayar oleh Syarikat sejak akhir tahun kewangan yang lalu adalah seperti berikut:

	RM'000
Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2003:	
Dividen interim sebanyak 30% ditolak 28% cukai dibayar pada 23/12/2003	21,600 =====

Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang bayaran dividen akhir untuk dibayar bagi tahun kewangan berkenaan.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada sebarang pindaan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun ini selain daripada yang dinyatakan di dalam Penyata Perubahan dalam Ekuiti di mukasurat 13 penyata kewangan.

PERUNTUKAN TUNTUTAN TERTUNGGAK

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa peruntukan yang secukupnya dibuat untuk tuntutan yang ditanggung termasuk tuntutan yang Ditanggung Tetapi Tidak Dilaporkan (IBNR).

HUTANG LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapusan hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuas hati bahawa segala hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskan dan peruntukan secukupnya telah disediakan untuk hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak menyedari adanya sebarang keadaan yang mungkin menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskan atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu di dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi sehingga mencapai peringkat yang menjejaskan.

ASET SEMASA

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang-hutang, yang tidak mungkin dapat direalisasikan melalui urusan biasa perniagaan, pada nilai seperti yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Syarikat telah dikurangkan nilainya kepada jumlah yang dijangka dapat direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak menyedari adanya sebarang keadaan yang akan menyebabkan nilai yang diberikan kepada aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak menyedari timbulnya sebarang keadaan yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada ke atas aset atau liabiliti Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.

LIABILITI LUARJANGKA DAN LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- i) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan dan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- ii) sebarang liabiliti luarjangka Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Tiada sebarang liabiliti luarjangka atau liabiliti lain yang telah atau mungkin berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan sejak akhir tahun kewangan yang mana pada pendapat Para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan dengan ketara keupayaan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawabnya apabila tiba masanya.

Bagi tujuan perenggan ini, liabiliti luarjangka atau liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang terbit daripada kontrak-kontrak insurans yang diunderaitkan dalam urusan biasa perniagaan Syarikat.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak menyedari adanya sebarang keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat, yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

PERKARA-PERKARA LUARBIASA

Para Pengarah berpendapat bahawa hasil operasi Syarikat bagi tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa penting dan berbentuk luarbiasa.

Para Pengarah berpendapat bahawa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini tidak timbul sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa penting dan berbentuk luarbiasa yang mungkin menjejaskan dengan ketara hasil operasi Syarikat bagi tahun yang mana laporan ini disediakan.

MODAL SAHAM

Tiada sebarang perubahan di dalam modal diterbit dan berbayar Syarikat sepanjang tahun kewangan.

TADBIR URUS KORPORAT

Syarikat telah mematuhi kesemua syarat preskriptif, dan menerima pakai amalan-amalan pengurusan yang konsisten dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan di bawah JPI/GPI 25: Rangka Kerja Berhemah Tadbir Urus Korporat bagi Penanggung Insurans yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Jawatankuasa Pemilihan, Imbuhan Dan Pengurusan Risiko**i. Keahlian dan Mesyuarat Jawatankuasa**

Komposisi Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut dan mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 adalah seperti berikut:

<u>Pengarah</u>	<u>Pemilihan</u>	<u>Imbuhan</u>	<u>Pengurusan Risiko</u>
	← (Kehadiran / Jumlah Mesyuarat) →		
Tan Sri Dato' Sri Dr. Teh Hong Piow (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	Ahli (1/1)	Ahli (3/3)	-
Dato' Yeoh Chin Kee (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	Pengerusi (1/1)	Pengerusi (3/3)	Pengerusi (1/1)
Geh Cheng Hooi (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	Ahli (1/1)	Ahli (3/3)	Ahli (1/1)
Lee Chin Guan (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	Ahli (1/1)	Ahli (3/3)	Ahli (1/1)
Tee Choon Yeow (Pengarah Bukan Bebas Eksekutif)	Ahli (1/1)	-	-

ii. Tanggungjawab Jawatankuasa

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Pemilihan

- (i) Mewujudkan syarat-syarat minima bagi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan efektif.

Mengawasi seluruh komposisi Lembaga berkenaan saiz dan kemahiran yang berpatutan, keseimbangan antara Pengarah Eksekutif, Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas, dan imbangan kemahiran dan kecekapan teras lain yang diperlukan, melalui kajian tahunan.

- (ii) Menilai dan mengesyor penama untuk keahlian pengarah, Pengarah untuk mengisi Jawatankuasa Lembaga, serta penama untuk jawatan Ketua Pegawai Eksekutif. Ini termasuk menilai Para Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif yang dicadangkan untuk perantaraan semula, sebelum permohonan untuk kelulusan dihantar ke Bank Negara Malaysia.
- (iii) Mewujudkan satu mekanisme bagi penilaian formal atas keberkesanan Lembaga secara menyeluruh, sumbangan setiap Pengarah untuk keberkesanan Lembaga, sumbangan pelbagai jawatankuasa Lembaga dan prestasi Ketua Pegawai Eksekutif.

- (iv) Mengesyorkan kepada Lembaga atas penyingkiran seorang Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif sekiranya beliau tidak efektif, ingkar atau cuai dalam melaksanakan tanggungjawabnya.
- (v) Memastikan bahawa semua Pengarah menghadiri program induksi berpatutan dan menerima latihan berterusan.
- (vi) Mengawasi perlantikan, pelan penggantian pengurusan dan penilaian prestasi pegawai kanan penting dan mengesyorkan kepada Lembaga penyingkiran pegawai kanan penting sekiranya mereka tidak efektif, ingkar dan cuai dalam melaksanakan tanggungjawab.

Jawatankuasa Imbuhan

- (i) Mencadang satu rangka kerja imbuhan untuk Para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan penting.
- (ii) Mencadang pakej imbuhan tertentu untuk Para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan penting.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

- (i) Mengkaji dan mencadangkan strategi pengurusan risiko, polisi-polisi dan toleransi risiko untuk kelulusan Lembaga.
- (ii) Mengkaji dan menilai kecukupan polisi pengurusan risiko dan rangka kerja untuk mengenal pasti, mengukur, mengawasi dan mengawal risiko-risiko serta had di mana ianya beroperasi secara efektif.
- (iii) Memastikan kecukupan infrastruktur, sumber dan sistem wujud untuk suatu pengurusan risiko yang efektif iaitu memastikan bahawa kakitangan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan sistem pengurusan risiko menjalankan tugas-tugas tersebut secara bebas dari aktiviti-aktiviti pengambilan risiko Syarikat.
- (iv) Mengkaji laporan berkala pengurusan atas pendedahan risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti pengurusan risiko.
- (v) Melaksanakan lain-lain fungsi berhubung dengan pengurusan risiko sebagaimana dipersetujui oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Lembaga Pengarah.

iii. Penilaian oleh Jawatankuasa Pemilihan

Menilai dan mengkaji keberkesanan Lembaga secara menyeluruh, sumbangan setiap Pengarah kepada keberkesanan Lembaga, sumbangan pelbagai jawatankuasa Lembaga dan prestasi Ketua Pegawai Eksekutif. Jawatankuasa ini akan, memastikan tugas-tugas dan tanggungjawab fidusiari Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan penting tidak dikompromi.

iv. Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Pemformalan rangka kerja pengurusan risiko telah ditingkatkan oleh inisiatif-inisiatif berikut:

- Satu Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah ditubuhkan untuk memandu proses pengurusan risiko dalam mengenal pasti risiko-risiko perniagaan utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang berpatutan untuk mengurus risiko tersebut. Jawatankuasa Pengurusan Risiko disokong oleh Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko.
- Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko, diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif ditubuhkan dengan tanggungjawab mengenal pasti dan menyampaikan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko atas risiko-risiko kritikal (sedia ada dan berpotensi) berkenaan pendedahan berkemungkinan dan kesan atas perniagaan Syarikat dan pelan tindakan pengurusan untuk mengurus risiko-risiko tersebut secara berterusan.
- Profil risiko tergabung Syarikat dan manual pengurusan risiko sedia ada.

OPSYEN YANG DIBENARKAN KE ATAS SAHAM BELUM DITERBIT

Tiada opsyen yang dibenarkan kepada sesiapa untuk mengambil saham Syarikat belum diterbit di sepanjang tahun.

PARA PENGARAH

Para Pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan lepas adalah:

Tan Sri Dato' Sri Dr. Teh Hong Piow
Dato' Yeoh Chin Kee
Tee Choon Yeow
Geh Cheng Hooi
Lee Chin Guan
Tan Kok Guan

Menurut Tataurusian Pertubuhan Syarikat, En. Tee Choon Yeow dan En. Lee Chin Guan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dipilih semula.

Tan Sri Dato' Sri Dr. Teh Hong Piow bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 dan satu resolusi dicadangkan untuk perlantikan semula beliau sebagai Pengarah di bawah peruntukan Seksyen 129(6) Akta tersebut untuk memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat berikutnya.

FAEDAH PARA PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tidak wujud sebarang perjanjian di mana Syarikat adalah satu pihak dengan tujuan membolehkan Para Pengarah Syarikat mendapat faedah melalui pembelian saham atau debentur Syarikat atau lain-lain badan korporat kecuali opsyen yang dibenarkan di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan (“ESOS”) Syarikat induk muktamad.

Sejak akhir tahun kewangan lalu, tiada Pengarah Syarikat yang telah menerima atau berhak menerima sebarang faedah (selain daripada faedah yang termasuk di dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau akan diterima oleh Para Pengarah seperti yang dinyatakan di dalam Nota 15 penyata kewangan Syarikat) oleh sebab suatu kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau sebuah syarikat berkaitan dengan Pengarah berkenaan atau dengan sebuah firma di mana Pengarah tersebut adalah ahli, atau dengan sebuah syarikat di mana Pengarah tersebut mempunyai kepentingan kewangan yang besar, selain daripada seorang Pengarah yang mempunyai kepentingan kewangan yang besar dalam syarikat-syarikat yang mengurusniaga dengan Kumpulan ini melalui perjalanan biasa perniagaan.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Disebabkan Syarikat merupakan sebuah subsidiari kepunyaan mutlak syarikat lain, kepentingan dalam saham syarikat induk bagi Tan Sri Dato’ Sri Dr. Teh Hong Piow, Dato’ Yeoh Chin Kee, En. Tee Choon Yeow, En. Lee Chin Guan dan En. Tan Kok Guan, yang juga merupakan Para Pengarah syarikat induk, ditunjukkan di dalam laporan Pengarah syarikat induk muktamad.

SYARIKAT INDUK DAN INDUK MUKTAMAD

Para Pengarah menganggap LPI Capital Bhd, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, sebagai syarikat induk dan induk muktamad kepada Syarikat.

No. Syarikat 307414-T

JURUAUDIT

Tetuan KPMG bersara dan telah menyatakan kesediaan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut satu resolusi Para Pengarah:

Telah Ditandatangani

.....

Dato' Yeoh Chin Kee

Telah Ditandatangani

.....

Tee Choon Yeow

Kuala Lumpur,

Tarikh: 19 Januari 2004

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENGARAH MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, Dato' Yeoh Chin Kee dan Tee Choon Yeow, dua orang daripada Para Pengarah Lonpac Insurance Bhd, menyatakan bahawa, pada pendapat Para Pengarah, penyata kewangan Syarikat yang dibentangkan di mukasurat 12 hingga 44 telah disediakan dengan teratur untuk menunjukkan keadaan yang benar dan saksama tentang kedudukan urusan Syarikat pada 31 Disember, 2003 dan hasil keputusan urusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh itu, dan telah disediakan dengan teratur selaras dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawai perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut satu resolusi Para Pengarah:

Telah Ditandatangani

.....

Dato' Yeoh Chin Kee

Telah Ditandatangani

.....

Tee Choon Yeow

Kuala Lumpur,

Tarikh: 19 Januari 2004

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

AKUAN BERKANUN MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, **TEE CHOON YEOW**, Pengarah yang terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Lonpac Insurance Bhd, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 12 hingga 44, pada sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya adalah benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh **TEE CHOON YEOW** yang tersebut di atas di Kuala Lumpur pada 19 Januari 2004.

Telah Ditandatangani

.....

TEE CHOON YEOW

Di hadapan saya:

S. NADARAJAH
Pesuruhjaya Sumpah

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI LONPAC INSURANCE BHD

(No. Syarikat 307414-T)
(Diperbadankan di Malaysia)

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 12 hingga 44. Penyediaan penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab Para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan kami.

Kami telah menjalankan audit kami menurut Piawai Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawai tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan pengauditan untuk mendapatkan semua maklumat dan penjelasan yang kami anggap perlu bagi menyediakan bukti untuk memberi jaminan yang wajar bahawa penyata kewangan tersebut adalah bebas daripada salah nyataan material. Audit merangkumi pemeriksaan, secara ujian, bukti yang berkaitan dengan jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Audit turut meliputi penilaian ke atas prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh Para Pengarah serta menilai kecukupan menyeluruh terhadap pengemukaan maklumat di dalam penyata kewangan. Kami percaya bahawa pengauditan kami menyediakan asas yang wajar bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan telah disediakan dengan teratur menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawai perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang:
 - i) kedudukan urusan Syarikat pada 31 Disember, 2003 dan keputusan operasinya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169, Akta Syarikat, 1965 yang perlu diambil kira di dalam penyata kewangan Syarikat; dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965 untuk disimpan oleh Syarikat, telah disimpan dengan teratur menurut peruntukan Akta berkenaan.

Telah Ditandatangani

KPMG

No. Firma: AF 0758

Akauntan-akauntan Bertauliah

Telah Ditandatangani

Hew Lee Lam Sang

Rakan Kongsi

No. Kelulusan :1862/10/05(J)

Kuala Lumpur,
Tarikh: 19 Januari 2004

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER, 2003

	Nota	2003 RM'000	2002 RM'000
ASET			
Hartanah dan peralatan	3	8,918	7,484
Pelaburan	4	338,701	318,728
Pinjaman (terjamin)	5	11,998	10,031
Jumlah boleh diterima	6	52,761	41,012
Tunai dan baki bank		3,823	2,069
JUMLAH ASET PERNIAGAAN AM DAN DANA PEMEGANG SAHAM		<u>416,201</u>	<u>379,324</u>
LIABILITI			
Peruntukan tuntutan tertunggak	7	110,322	95,844
Jumlah perlu dibayar	8	42,570	36,864
Peruntukan cukai		1,732	3,477
Jumlah liabiliti perniagaan am dan dana pemegang saham		<u>154,624</u>	<u>136,185</u>
Rizab premium belum diperolehi	9	<u>93,446</u>	<u>82,586</u>
DANA PEMEGANG SAHAM			
Modal saham	10	100,000	100,000
Rizab		68,131	60,553
Jumlah dana pemegang saham		<u>168,131</u>	<u>160,553</u>
JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SAHAM		<u>416,201</u>	<u>379,324</u>

Nota-nota yang disertakan di mukasurat 19 hingga 44 merupakan sebahagian penting dari, dan perlu dibaca bersama-sama dengan penyata kewangan ini.

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2003

	Nota	2003 RM'000	2002 RM'000
Hasil Operasi	12	334,205	286,919
Dana pemegang saham: Pendapatan pelaburan	13	588	643
Pindahan daripada Akaun Hasil Insurans Am		588 36,491	643 31,034
Keuntungan sebelum cukai		37,079	31,677
Cukai 16 (8,168)	Cukai 1	(8,168)	(7,032)
Keuntungan bersih bagi tahun		28,911	24,645
Perolehan sesaham (sen) - Asas	17	29	25

Nota-nota yang disertakan di mukasurat 19 hingga 44 merupakan sebahagian penting dari, dan perlu dibaca bersama-sama dengan penyata kewangan ini.

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

AKAUN HASIL INSURANS AM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2003

	Nota	Marin, Penerbangan & Transit								Jumlah	
		Kebakaran		Motor		Pelbagai				2003	2002
		2003	2002	2003	2002	2003	2002	2003	2002	2003	2002
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Premium kasar		86,989	73,441	76,598	74,054	12,472	11,115	145,107	115,540	321,166	274,150
Tolak: Reinsurans		(40,588)	(33,277)	(13,895)	(15,194)	(7,634)	(6,966)	(94,345)	(76,380)	(156,462)	(131,817)
Premium bersih		46,401	40,164	62,703	58,860	4,838	4,149	50,762	39,160	164,704	142,333
Peningkatan dalam rizab premium belum diperolehi	9	(2,505)	(3,448)	(566)	(6,039)	(361)	(615)	(7,275)	(8,690)	(10,707)	(18,792)
Premium yang diperolehi		43,896	36,716	62,137	52,821	4,477	3,534	43,487	30,470	153,997	123,541
Tuntutan bersih yang ditanggung	18	(8,580)	(8,992)	(49,589)	(41,154)	(1,657)	(1,629)	(25,283)	(16,709)	(85,109)	(68,484)
Komisen bersih		(5,080)	(3,902)	(6,250)	(5,547)	(297)	(333)	(931)	261	(12,558)	(9,521)
		(13,660)	(12,894)	(55,839)	(46,701)	(1,954)	(1,962)	(26,214)	(16,448)	(97,667)	(78,005)
Lebihan pengunderaitan sebelum perbelanjaan pengurusan		30,236	23,822	6,298	6,120	2,523	1,572	17,273	14,022	56,330	45,536
Perbelanjaan pengurusan	15									(35,118)	(28,743)
Lebihan pengunderaitan										21,212	16,793

AKAUN HASIL INSURANS AM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2003

(bersambung)

	Nota	Kebakaran		Motor		Marin, Penerbangan & Transit		Pelbagai		Jumlah	
		2003	2002	2003	2002	2003	2002	2003	2002	2003	2002
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Lebihan pengunderaitan										21,212	16,793
Pendapatan pelaburan	13									12,451	12,126
Pendapatan/(perbelanjaan) operasi lain – bersih	14									2,828	2,115
Pindahan ke penyata pendapatan										36,491	31,034

Nota-nota yang disertakan di mukasurat 19 hingga 44 merupakan sebahagian penting dari, dan perlu dibaca bersama-sama dengan penyata kewangan ini.

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2003

	2003 RM'000	2002 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Keuntungan sebelum cukai	37,079	31,677
Pelarasan bagi:		
Susutnilai	1,928	1,441
Kerugian / (Keuntungan) atas pelupusan hartanah dan peralatan	5	(36)
Kerugian / (Keuntungan) atas penjualan pelaburan	25	(12)
Tambahannya dalam rizab premium belum diperolehi	10,707	18,792
Faedah dibayar atas deposit syarikat reinsurans	31	67
Pendapatan pelaburan	(13,039)	(12,769)
Peruntukan tuntutan tertunggak	14,274	12,265
(Masuk kira semula) / Peruntukan kerosotan nilai pelaburan	(274)	120
Keuntungan daripada operasi sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti operasi	50,736	51,545
Tambahan premium tertunggak termasuk baki ejen/broker dan syarikat ko-insurans dan jumlah terhutang daripada syarikat reinsurans/mengesid (Tambahannya) / Kurangan dalam jumlah lain boleh diterima, deposit dan pra-bayaran serta pendapatan terhutang dan terakru	(11,513)	(6,591)
Tambahan dalam pinjaman kakitangan	(236)	1,353
Tambahan / (Kurangan) dalam jumlah lain perlu dibayar dan liabiliti terakru	(1,967)	(510)
Tambahan dalam jumlah terhutang kepada syarikat reinsurans/mengesid, ejen/ broker syarikat ko-insurans dan pihak diinsuranskan	1,005	(648)
Tambahan dalam deposit tetap	4,701	5,926
Pembelian Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Singapura	(19,352)	(33,007)
Pembelian debentur, bon, amanah saham dan stok pinjaman yang tidak disebut harga	(11,655)	-
Pembelian pelaburan lain	(10,758)	(13,891)
Perolehan daripada kematangan Sekuriti Kerajaan Malaysia	(1,093)	(6,162)
Perolehan daripada debentur, bon, amanah saham dan stok pinjaman yang tidak disebut harga	18,548	20,864
	5,503	13,638
	23,919	32,517

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31
DISEMBER, 2003** (bersambung)

	2003 RM'000	2002 RM'000
Cukai dibayar	(9,913)	(11,512)
Faedah dibayar atas deposit syarikat reinsurans	(31)	(67)
Pendapatan pelaburan diterima		
-Dividen	3,127	2,444
-Faedah	9,495	9,729
-Lain-lain	102	64
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi	26,699	33,175
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Perolehan daripada pelupusan hartanah dan peralatan	10	135
Pembelian hartanah dan peralatan	(3,307)	(2,749)
Pelunasan premium berhubung Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Singapura	495	438
Pelunasan premium berhubung Pinjaman Terjamin Kerajaan Malaysia	27	27
Pelunasan premium berhubung cagamas yang tidak disebut harga	-	32
Pertambahan diskaun atas bon yang tidak disebut harga	(837)	(1,029)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(3,612)	(3,146)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Dividen dibayar kepada syarikat induk	(21,600)	(30,480)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(21,600)	(30,480)
Tambahan/ (kurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	1,487	(451)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	2,069	1,328
Kesan perubahan kadar tukaran asing	267	1,192
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	3,823	2,069
Tunai dan kesetaraan tunai meliputi:		
Tunai dan baki bank	3,823	2,069

Nota-nota yang disertakan di mukasurat 19 hingga 44 merupakan sebahagian penting dari, dan perlu dibaca bersama-sama dengan penyata kewangan ini.

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER, 2003

1. AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Pada asasnya, Syarikat terlibat dalam mengunderait semua jenis kelas perniagaan insurans am. Tidak terdapat sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama ini di sepanjang tahun kewangan.

Bilangan kakitangan Syarikat pada akhir tahun kewangan adalah 345 (2002 – 328).

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti awam berhad, yang diperbadankan dan berdomisil di Malaysia.

Tempat utama perniagaan Syarikat terletak di:

Tingkat 6, 7, 21-23, Bangunan Public Bank,
6, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

Syarikat induk dan induk muktamad adalah LPI Capital Bhd, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia.

Penyata kewangan telah dibenarkan untuk dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah menurut satu resolusi Para Pengarah pada 19 Januari 2004.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan berikut diterima pakai oleh Syarikat dan selaras dengan dasar-dasar diterima pakai pada tahun lepas kecuali penerimaan berikut:

- (i) MASB 25, Cukai Pendapatan yang telah diterima pakai secara retrospektif ; dan
- (ii) MASB 29, Faedah Kakitangan yang telah diterima pakai secara retrospektif.

Selain daripada dasar-dasar baru dan pendedahan yang digunakan yang mana dikehendaki oleh piawai-piawai baru tersebut, penerimaan pakai piawai-piawai baru tersebut tidak mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan.

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan atas dasar kos sejarah kecuali sepertimana yang didedahkan di dalam nota-nota kepada penyata kewangan mematuhi piawai perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta dan Peraturan Insurans, 1996 dan Garis Panduan/Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (bersambung)

(a) Asas Perakaunan (bersambung)

Aset dan liabiliti perniagaan am adalah berkaitan dengan kedua-dua Dana Insurans Am dan Dana Pemegang Saham.

(b) Hartanah dan Peralatan

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerosotan kerugian terkumpul.

Pada pelupusan hartanah dan peralatan, perbezaan di antara perolehan bersih dan nilai simpanan diiktiraf dalam akaun hasil.

Hartanah dan peralatan yang dihentikan daripada kegunaan aktif dan dipegang untuk pelupusan dinyatakan pada nilai simpanan pada tarikh bila mana aset tersebut berhenti daripada kegunaan aktif, ditolak kerosotan kerugian, jika ada.

Kaedah garis lurus digunakan untuk menghapuskira kos aset sepanjang tempoh jangkaan hayat kegunaannya pada kadar tahunan utama berikut:

Premis pejabat pegangan pajakan jangka panjang	2%
Peralatan pejabat	25%
Perabot dan pemasangan	25%
Pengubahsuaian	20%
Komputer	25%
Kenderaan bermotor	20%

(c) Pelaburan

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Singapura, pinjaman terjamin kerajaan, bon-bon yang tidak disebut harga dan pelaburan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan yang dipegang hingga matang dinyatakan pada kos yang diselaraskan bagi pelunasan premium atau pertambahan diskaun yang dikira pada asas hasil konstan, daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Pelunasan premium dan pertambahan diskaun diiktiraf di dalam akaun hasil.

Pelaburan disebut harga dinyatakan pada yang mana lebih rendah antara kos dan nilai pasaran yang ditentukan pada asas portfolio agregat mengikut kategori pelaburan kecuali jika kerosotan nilai pelaburan tertentu tidak dianggap sebagai sementara, peruntukan dibuat terhadap nilai pelaburan tersebut.

Kerosotan nilai bagi pelaburan tertentu tidak dianggap sebagai sementara apabila nilai pasaran kurang 80% daripada kosnya pada setiap masa sepanjang 24 bulan sebelumnya, dengan mengurangkan nilai kos pelaburan disebut harga berkenaan kepada harga median purata bagi setiap bulan sepanjang tempoh 24 bulan tersebut.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (bersambung)

(c) Pelaburan (bersambung)

Pelaburan jangka panjang yang tidak disebut harga dinyatakan pada kos. Peruntukan dibuat apabila Para Pengarah mendapati berlakunya kerosotan nilai selain daripada sementara.

(d) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan dinyatakan pada kos dan termasuk perbelanjaan berkaitan dan sampingan yang tertanggung. Hartanah pelaburan tidak disusutnilaikan.

Pada pelupusan hartanah pelaburan, perbezaan di antara perolehan bersih dan nilai simpanan diiktiraf dalam akaun hasil.

Nilai simpanan hartanah pelaburan dikurangkan bagi mengiktiraf kerosotan kerugian.

(e) Kerosotan Aset

Nilai simpanan aset selain daripada cukai aset tertunda dan aset kewangan, dikaji bagi tujuan kerosotan apabila terdapat petanda bahawa aset tersebut berkemungkinan merosot. Kerosotan diukur dengan membandingkan nilai simpanan aset dengan jumlah boleh didapati semula. Jumlah boleh didapati semula adalah yang lebih tinggi antara nilai bersih boleh direalisasikan dan nilai dalam kegunaan, yang diukur merujuk kepada aliran tunai terdiskaun. Jumlah boleh didapati semula dianggarkan untuk aset individu, atau, sekiranya tidak mungkin, untuk unit janaan tunai di mana jumlah tersebut dimiliki.

Kerosotan kerugian dicaj kepada akaun hasil.

Peningkatan berikutnya dalam jumlah boleh didapati semula bagi sesuatu aset dianggap sebagai keterbalikan kerosotan kerugian sebelumnya dan diiktiraf pada tahap nilai simpanan aset yang mungkin akan ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) sekiranya tidak ada kerosotan kerugian telah diiktiraf. Keterbalikan diiktiraf dalam akaun hasil.

(f) Jumlah Boleh Diterima

Dagangan dan jumlah lain boleh diterima dinyatakan pada kos tolak peruntukan bagi hutang ragu.

Hutang lapuk yang diketahui dihapuskan dan peruntukan tertentu dibuat bagi sebarang premium tertunggak, termasuk baki ejen atau reinsurans, yang kekal tertunggak untuk lebih daripada enam (6) bulan dari tarikh bila mana ia menjadi boleh diterima, dan bagi kesemua hutang yang dianggap ragu.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (bersambung)

(g) Keputusan Pengunderaitan Insurans Am

Keputusan pengunderaitan insurans am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan setelah mengambil kira antara lain, reinsurans, komisen, rizab premium belum diperolehi dan tuntutan ditanggung.

Pendapatan premium

Premium diiktiraf dalam tempoh kewangan berhubung dengan risiko-risiko dipikul pada tempoh kewangan tersebut. Premium reinsurans triti alir masuk diiktiraf berdasarkan maklumat berkala/akaun diterima daripada syarikat insurans siding.

Rizab Premium Belum Diperolehi

Rizab Premium Belum Diperolehi (UPR) mewakili bahagian premium bersih polisi insurans ditulis yang berkait dengan tempoh belum tamat polisi pada akhir tempoh kewangan.

Bagi menentukan UPR pada tarikh lembaran imbangan, kaedah paling tepat yang menggambarkan premium belum diperolehi sebenar diguna dan adalah seperti berikut:

Polisi Tahunan

